Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd lwn Berita Harian Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S6-25-608 TAHUN 1987
MOHD NOOR AHMAD H
10 MAC 1998

Tort — Fitnah — Surat kepada penerbit akhbar — Sama ada mengandungi kenyataan yang memfitnah — Sama ada pembelaan komen berpatutan dan perlindungan bersyarat dibuktikan

Plaintif adalah sebuah syarikat penerbitan dan penjualan buku-buku teks sekolah. Defendan pula adalah penerbit akhbar 'Berita Harian' ('akhbar tersebut'). Akhbar tersebut telah menerbitkan beberapa artikel ('artikel-artikel tersebut') yang ditulis oleh pembaca-pembaca defendan yang memberi komen yang negatif mengenai cerita bertajuk 'Durian Runtuh' ('cerita tersebut') di dalam suatu buku yang diterbitkan oleh plaintif. Plaintif mengatakan bahawa artikel-artikel tersebut mengandungi kenyataan yang memfitnah plaintif. Defendan mengemukakan pembelaan komen berpatutan dan perlindungan bersyarat.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos:

(1) Komen tentang cerita tersebut adalah pendapat penulis semata-mata dan adalah berdasarkan cerita benar. Memandangkan juga komen tersebut adalah mengenai perkara kepentingan awam, pembelaan komen berpatutan adalah terpakai dan berjaya ditunjukkan dalam kes ini (lihat ms 534D–G dan 535B).

(2) Penyiaran perkara fitnah dalam surat khabar akan diberi perlindungan apabila perkara yang disiarkan adalah mengenai kepentingan orang awam dan ia adalah kewajipan defendan untuk memberitahunya kepada orang ramai. Dalam kes ini, isu buku-buku teks adalah suatu keadaan yang khas yang menjadi kepentingan awam. Maka, pembelaan perlindungan bersyarat juga adalah terpakai dalam kes ini (lihat ms 535G–H).

[English summary

The plaintiff was a company which published and sold school textbooks. The defendant was the publisher of the 'Berita Harian' paper ('the paper'). The paper had published several articles ('the articles') written by the defendant's readers who gave negative comments regarding a feature entitled 'Durian Runtuh' ('the feature') in a book published by the plaintiff. The plaintiff alleged that the articles contained statements defaming the plaintiff. The defendant adduced the defence of fair comment and qualified privilege.

Held, dismissing the claim with costs:

(1) The comment on the story was merely the writer's opinion and was based on a true story. Since the comment also concerned a matter of public interest, the defence of fair comment was applicable and was successfully shown in this case (see pp 534D–G and 535B).

(2) The publication of the defamatory material in a newspaper would confer qualified privilege when the item published is regarding public interest and it was the defendant's duty to inform the public about it. In this case, the issue of textbooks was a special circumstance that was a matter of public interest. Therefore, the defence of qualified privilege was also applicable in this case (see p 535G-H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 138–261.

Kes-kes dirujuk

Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors [1980] 1 MLJ 390 (dirujuk)

Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun v Haji Hasan bin Hamzah & Ors [1995] 1 MLJ 39 (dirujuk)

Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v BRE Sdn Bhd & Ors [1996] 1 MLJ 393 (dirujuk)

Low Peck Lim (*Tang Weng Leong* bersamanya) (*KC Yap Kamaludin & Partners*) bagi pihak plaintif.

Robert Lazar (*Lam Cheng Woon* bersamanya) (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

Mohd Noor Ahmad J: Plaintif adalah sebuah syarikat yang terlibat dalam penerbitan dan penjualan buku-buku teks sekolah. Defendan pula adalah penerbit akhbar 'Berita Harian' surat khabar nasional yang mempunyai edaran yang besar di seluruh Malaysia. Akhbar defendan ada menyediakan ruangan 'Harian Pembaca' di mana orang awam dijemput untuk menulis agar dapat mengeluarkan ketidakpuasan dan pandangan mereka melalui media percetakan. Pada 4 September 1987, defendan telah menerbitkan sebuah artikel bertajuk 'Sebahagian buku Kurikulum Baru Sekolah Menengah ('KBSM') tidak layak jadi teks' yang merupakan surat yang ditulis oleh 'Guru Bertanggungjawab' (eks A1). Seterusnya pada 15 September 1987, defendan telah menerbit sebuah lagi artikel bertajuk 'Antara Matlamat dan Pencapaian' yang ditulis oleh Ab Rahman Ab Rashid (eks A3) di mana penulis bersetuju dengan kenyataan 'Guru Bertanggungawab'. Kedua-dua artikel tersebut adalah merupakan komen

A terhadap cerita Durian Runtuh yang terdapat di dalam buku *Titian Bahasa Malaysia* (KBSM Tingkatan Satu) (eks P1) yang diterbitkan oleh plaintif.

Plaintif telah membantah penerbitan kedua-dua artikel tersebut kerana dikatakan terdapat tiga kenyataan yang memfitnah plaintif. Dalam artikel Guru Bertanggungjawab, terdapat dua perenggan kenyataan yang B memfitnah plaintif dan satu lagi di dalam artikel 'Antara Matlamat dan Pencapaian'. Untuk kemudahan rujukan, kenyataan-kenyataan tersebut dinamakan seperti berikut:

(1) komen tentang 'Durian Runtuh';

(2) pernyataan 'ghost writer'; dan

C (3) artikel Cikgu Abdul Rahman.

Diturunkan di sini petikan perenggan yang dikatakan memfitnah plaintif:

(1) Komen tentang 'Durian Runtuh'.

Dapat Durian Runtuh. Saya rasa petikan itu tidak lojik dan hanya D untuk menghina orang Melayu. Dalam petikan itu, dikaitkan bahawa seorang buruh sambilan bernama En Idris Shafie menerima hadiah wang tunai RM100,000 hanya kerana dia menjadi pelawat ke-1,000 Pesta Wau. Sudahlah begitu, apabila ditanya bagaimanakah En Idris akan membelanjakan wang sebanyak itu, jawapan yang mula-mula diberi ialah 'membeli sebuah televisyen warna!' Kalau setakat hendak E membeli televisyen warna' tidak perlu tunggu sampai dapat RM100,000, RM1,000 pun boleh dibeli. Inikah yang hendak diajar kepada anak-anak Melayu? Kenapa tidak dikatakan untuk berniaga atau sebagainya? Sila rujuk buku terbitan Delta ms 255 ... .

(2) Pernyataan 'Ghost writer'

F Kami dapati juga ada syarikat yang menggunakan 'ghost writer' tetapi didakwa yang menulis buku itu (bekas pensyarah di Universiti Malaya yang sememangnya dikenali sebagai ahli bahasa). Tetapi dia tidak menulis buku itu kerana beliau sekarang bertugas di Universiti Brunei. Yang menulis buku itu ialah editor-editor syarikat itu sendiri (sememangnya kami tidak percaya buku yang dimaksudkan hasil Prof Madya yang kami hormati itu kerana terlalu banyak cacatnya dan G ini disahkan oleh beberapa ahli bahasa yang bersahabat dengannya).

(3) Artikel Cikgu Abdul Rahman

Penulis sangat bersetuju dengan pendapat 'Guru Bertanggungawab' Selangor dalam Harian Pembaca, Berita Harian, 4 September 1987 lalu tentang suatu petikan di ms 255 buku yang bertajuk 'Dapat Durian H Runtuh' yang bermotif menghina orang Melayu. Dalam petikan itu, dikatakan bahawa seorang buruh sambilan bernama En Idris Shafie menerima hadiah wang tunai RM100,000 hanya kerana dia menjadi pelawat ke-1,000 Pesta Wau. Sudahlah begitu, apabila ditanya bagaimanakah En Idris akan membelanjakan wang sebanyak itu, jawapan yang mula-mula diberikan ialah 'membeli sebuah televisyen warna'. I Memang, kalau setakat mahu membeli televisyen warna, tidak perlu tunggu sampai dapat RM100,000, RM1,000 pun boleh beli. Inikah idea atau mesej yang hendak disampaikan kepada anak-anak Melayu? Kenapa tidak dikatakan untuk berniaga atau disimpan di bank untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak? Sesuaikah dengan matlamat

> KBSM untuk membentuk keperibadian yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi dan rohani di kalangan pelajar?.

Plaintif mengatakan ketiga-tiga kenyataan tersebut boleh difahamkan merujuk kepada plaintif. Juga dikatakan maksud semulajadi dan maksud biasa perkataan-perkataan berkenaan bermakna:

(a) Buku teks *Titian Bahasa Malaysia* (Tingkatan Satu) yang disebutkan oleh plaintif sebenarnya bukan ditulis oleh SP1, Prof Lufti Abas, tetapi menurut kenyataan defendan ia adalah ditulis oleh 'ghost writer' dan/atau oleh editor-editor di syarikat plaintif yang tidak dikenali dan tidak boleh dikenalpasti;

(b) plaintif dituduh melakukan aktiviti penerbitan tersebut secara tidak jujur, memperdayakan dan menyalahnyata fakta bahawa SP1 menerbit buku tersebut;

(c) plaintif telah memperolehi kelulusan Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan secara tidak jujur dan secara penipuan;

(d) plaintif telah menerbitkan bahan-bahan yang berunsur hasutan;

(e) plaintif telah memfitnah, menyinggung bangsa Melayu; dan

(f) plaintif telah melakukan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Perlembagaan Negeri.

Seterusnya plaintif mengatakan bahawa penerbitan kenyataan-kenyataan yang memfitnah plaintif adalah untuk tujuan menjatuhkan maruah plaintif sebagai penerbit buku-buku sekolah yang terkemuka. Akibatnya, plaintif telah mengalami kecederaan kepada peribadi, kredit dan reputasinya yang mana menyebabkan plaintif dibenci, dipersenda atau dihina oleh orang ramai.

Merujuk kepada pembelaan di perenggan 3 dan 4, defendan menafikan bahawa kenyataan tersebut merujuk atau boleh dikatakan merujuk kepada plaintif dan secara alternatif defendan menyatakan bahawa ketiga-tiga kenyataan tersebut adalah tidak memfitnah plaintif atau tidak boleh dianggap memfitnah plaintif.

Isu utama yang dipertikaikan dalam kes ini ialah sama ada kenyataan-kenyataan, komen tentang 'Durian Runtuh', pernyataan 'ghost writer' dan artikel Cikgu Abdul Rahman yang tersebut di atas adalah fitnah dan diterbitkan oleh defendan. Jika jawapannya ya, isu seterusnya ialah sama ada kenyataan-kenyataan tersebut adalah merujuk kepada plaintif. Isu penerbitan tidak lagi dipertikaikan kerana telah diakui oleh defendan di perenggan 3 penyata pembelaan.

Bagi memutuskan isu ini, mahkamah perlu melihat sama ada makna semulajadi dan biasa perkataan-perkataan yang digunakan oleh defendan berupaya atau boleh menyampaikan makna yang memfitnah plaintif. Di dalam kes *Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun v Haji Hasan bin Hamzah & Ors* [1995] 1 MLJ 39, di ms 40G dikatakan:

> It was a question of law for the court to decide whether the natural and ordinary meaning of the word used in the articles were capable of conveying a defamatory meaning of and concerning the plaintiff.

Begitu juga dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v BRE Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393 di ms 394D dikatakan:

> The test whether the words complained of in the article were capable of being, and were in fact, defamatory of the plaintiff was, whether such words were calculated to expose him to hatred, redicule or contempt in the mind of a reasonable man or would tend to lower him in the estimation of right-thinking members of society generally.

Berpandukan kepada pendekatan di atas, mahkamah berpendapat ketiga-tiga pernyataan yang diterbitkan oleh defendan boleh dianggap sebagai memfitnah plaintif.

Di dalam kes ini, dikatakan komen tentang 'Durian Runtuh' memberi maksud plaintif menghina orang Melayu dan bagi pernyataan 'ghost writer' dikatakan plaintif tidak jujur dalam menerbitkan buku-buku kerana menggunakan 'ghost writer', seterusnya bagi artikel Cikgu Abdul Rahman adalah ulangan kepada komen tentang Durian Runtuh yang membawa implikasi yang sama. Akibatnya di sini, plaintif telah didedahkan kepada kebencian, penghinaan dan persendaan oleh pembaca-pembaca yang waras dan munasabah. Seterusnya plaintif berhujah pernyataan-pernyataan tersebut yang memfitnah plaintif adalah untuk tujuan menjatuhkan maruah plaintif sebagai penerbit buku-buku sekolah yang terkemuka.

Mahkamah berpendapat jika dilihat pada artikel Guru Bertanggungjawab (eks A1) di perenggan 3 disebutkan nama-nama syarikat penerbitan yang buku-buku terbitan mereka diperakukan sebagai buku teks termasuk plaintif. Seterusnya di perenggan 5, disebutkan nama penerbit buku-buku yang mempunyai mutu yang lebih baik tetapi tidak terdapat nama plaintif, sebaliknya nama plaintif disebut pada akhir komen tentang Durian Runtuh. Seterusnya di perenggan 15 mengenai 'ghost writer', walaupun tidak disebutkan nama, tetapi dari diskripsi yang diberi iaitu bekas pensyarah Universiti Malaya yang dikenali sebagai ahli bahasa dan sekarang bertugas di Universiti Brunei, telah cukup menunjukkan identiti penulis. Ini terutamanya kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang penulisan dan akedemik termasuk guru-guru, guru besar, ibu bapa yang mempunyai anak di Tingkatan 1, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan juga penerbit-penerbit di syarikat penerbitan kerana penulis (SP1) hanya menulis untuk Penerbitan Delta. Dengan merujuk kepada fakta di atas, adalah jelas bahawa pernyataan 'ghost writer' tersebut ditujukan kepada plaintif. Ini dikuatkan lagi dengan penafian SP1 dalam artikel yang diterbitkan oleh defendan pada 18 September 1987 bertajuk 'Buku KBSM Penulis Delta sangkal tuduhan guru' (rujuk eks A5).

Sekarang beralih kepada pembelaan yang dikemukakan oleh defendan, iaitu:

(a) komen berpatutan atau dibuat dengan suci hati tanpa niat jahat atau perkara kepentingan awam; dan

(b) perlindungan bersyarat.

Komen berpatutan

Untuk berjaya dalam pembelaan ini defendan mestilah menunjukkan bahawa kenyataan itu merupakan satu komen yang berdasarkan kepada fakta yang benar. Komen itu juga hendaklah berpatutan tanpa niat jahat dan mestilah mengenai perkara kepentingan awam. Di dalam *Gatley on Libel and Slander* (Edisi ke-8) perenggan 697 ms 294 menyatakan bahawa:

> A comment is a statement of opinion on facts. It is comment to say that a certain act which a man has done is disgraceful or dishonourable; it is an allegation of fact to say that he did the act so criticised ... while a comment is usually a statement of opinion as to the merits or demerits of conduct, an inference of fact may also be a comment. There are, in the case, no clear definitions of what is comment. If a statement appears to be one of opinion or conclusion, it is capable of being comment.

Mahkamah bersetuju kenyataan komen tentang 'Durian Runtuh' adalah pendapat penulis semata-mata. Penulis berpendapat demikian setelah meneliti kesemua buku-buku yang diberikan kepadanya termasuk buku-buku dari penerbitan syarikat lain. Kritikan yang dibuat bukan ditujukan kepada plaintif sahaja tetapi juga terhadap manuskrip yang ditulis oleh East View. Selain dari itu, komen 'Durian Runtuh' adalah berdasarkan cerita 'Durian Runtuh' yang disiarkan dalam *Titian*. Dalam cerita ini, terdapat satu watak rekaan En Idris yang ditanya bagaimana beliau akan membelanjakan wang RM100,000 yang diperolehinya. Perkara pokok di sini ialah bagaimana cara yang lebih cermat dan bermanafaat dalam menggunakan wang.

Dari hujah di atas, adalah jelas bahawa komen tentang 'Durian Runtuh' adalah berdasarkan fakta yang benar. Tambahan lagi, komen ini disokong oleh artikel Cikgu Abdul Rahman yang merupakan seorang tokoh akademik yang dihormati. Apa yang penting di sini, komen yang terdapat dalam artikel Guru Bertanggungjawab mengenai cerita 'Durian Runtuh' adalah berdasarkan cerita benar dan bukan sesuatu yang direka-reka oleh beliau. Begitu juga tentang pernyataan 'ghost writer' yang pada masa ia diterbitkan, defendan percaya ia adalah benar. Petikan dari *Gatley on Libel and Slander* perenggan 1342 ms 552 (lampiran E) menyatakan:

> ... if the defendant honestly believed his statement to be true, omission to make any inquiry is not in itself evidence of malice. Nor is it evidence of malice that he did not take sufficient precautions to verify the facts before making the statement. The test is whether the defendant honestly believed the statement to be true. If he did, the fact that he did not investigate it does not affect the question ... .

Seterusnya, dilihat pula sama ada komen ini mengenai perkara kepentingan awam. Di sini mahkamah bersetuju bahawa perkara ini adalah kepentingan awam kerana ia berhubung dengan buku-buku teks baru untuk kegunaan KBSM yang akan bermula pada tahun 1988. Penggunaan buku-buku teks ini boleh menjejaskan pembelajaran dan pemahaman pelajar, ibubapa, dan guru-guru yang berkenaan bagi tahun 1988 dan seterusnya di masa

A hadapan. Perlu diambil perhatian bahawa buku ini telah dicetak semula pada tahun 1993 dan masih didapati dalam pasaran hingga ke hari ini, di mana cerita 'Durian Runtuh' telah dikeluarkan dari edisi yang terbaru. Adalah juga fakta yang diakui semasa pemeriksaan balas SP2 di mana beliau bersetuju bahawa mutu sesebuah buku adalah suatu kepentingan awam. Selain itu, tiada bukti menunjukkan defendan berniat jahat dalam B menerbitkan artikel ini. Walaupun defendan bukan penulis asal artikel-artikel tersebut, defendan adalah bertanggungawab penuh atas apa yang diterbitkan. Dengan ini, pembelaan komen berpatutan adalah terpakai dan berjaya ditunjukkan dalam kes ini.

C *Perlindungan bersyarat*

Pembelaan perlindungan bersyarat ini dibangkitkan secara alternatif oleh defendan terhadap ketiga-tiga kenyataan fitnah tersebut. Untuk membolehkan pembelaan ini terpakai defendan mestilah membuktikan bahawa komen mereka adalah tertakluk kepada satu situasi di mana D perlindungan bersyarat boleh dipohon. Adalah tidak mencukupi bagi defendan untuk bergantung kepada pembelaan perlindungan bersyarat hanya semata-mata sesuatu isu itu adalah kepentingan awam.

Prinsip perlindungan ini dinyatakan dengan ringkas dalam *Gatley Libel and Slander*, perenggan 444 di ms 187:

E

> ... If fairly warranted by reasonable occasion or exigency, and honestly made, such communication are protected for the common convenience and welfare of society.

Di dalam kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1980] 1 MLJ 390 di ms 413 dinyatakan bahawa:

F

> [In my view the] privilege or publication in the press of information of general public interest is confined to cases where the publisher [defendant] has a legal, social or moral duty to communicate it to the general public [*London Artists Ltd v Littler* [1968] 1 WLR 607], [or goes so in reasonable self-defence to a public charge].

G Adalah jelas daripada autoriti-autoriti di atas bahawa suatu keadaan khas mestilah wujud di mana terdapat satu kewajipan untuk memberitahu perkara itu kepada orang ramai. Oleh itu, penyiaran perkara fitnah dalam surat khabar akan diberi perlindungan apabila perkara yang disiarkan adalah mengenai kepentingan orang awam dan ia adalah kewajipan defendan H untuk memberitahunya kepada orang ramai.

Dalam kes ini adalah jelas bahawa isu KBSM dan isu buku-buku teks adalah suatu keadaan yang khas yang menjadi kepentingan awam. Buku *Titian Bahasa Malaysia* (Tingkatan Satu) akan digunakan dalam sukatan KBSM yang baru diperkenalkan pada tahun 1988. Jadi isu ini melibatkan I semua pelajar, bukan sahaja pelajar Tingkatan Satu tetapi pelajar-pelajar pada tahun-tahun yang akan datang. Ia juga akan melibatkan ibu bapa, peniaga, guru-guru, pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan, ahli-

ahli akademik dan seluruh negara amnya. Berdasarkan hujah-hujah di atas adalah jelas pembelaan perlindungan bersyarat juga adalah terpakai dalam kes ini. Dengan itu, isu mengenai ganti rugi tidak perlu dipertimbangkan. A

Dengan ini tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Tuntutan ditolak dengan kos.

B

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee

C

D

E

F

G

H

I